

OPS TAct41

JAWAPAN/MAKLUMBALAS BAGI SOALAN – SOALAN LAZIM BERHUBUNG IKLAN JAWATAN PEGAWAI EKSEKUTIF GRED 41 LHDNM

A. KAEDAH PERMOHONAN

1. Bagaimakah untuk memohon jawatan dalam LHDNM?

Permohonan untuk memasuki perkhidmatan LHDNM hendaklah dibuat secara *online* seperti kaedah berikut:

- a) Pegawai LHDNM bertaraf **tetap dan kontrak** – <https://spi.hasil.gov.my>
- b) Pegawai LHDNM bertaraf **sambilan** - <https://career.hasil.gov.my>
- c) Calon luar – <https://career.hasil.gov.my>

2. Bagaimana untuk mengakses laman web tersebut?

- a) <http://spi.hasil.gov.my> hanya boleh diakses **menggunakan komputer di pejabat LHDNM sahaja.**
- b) <https://career.hasil.gov.my> boleh diakses dari mana-mana komputer yang mempunyai kemudahan internet.

3. Bagaimana cara untuk mengisi borang permohonan *online*?

Pemohon dinasihatkan untuk membaca manual pengguna terlebih dahulu sebelum memohon jawatan yang ditawarkan. Manual pengguna boleh dimuat turun pada ruangan **Pelbagai** di dalam sistem permohonan kerja.

- 4. Apakah tindakan yang perlu saya lakukan sekiranya saya menghadapi masalah berkaitan sistem dan tidak boleh mengisi borang *on-line*?**

Pemohon boleh mengemukakan sebarang persoalan berkenaan masalah yang dihadapi ke email kerjaya@hasil.gov.my untuk diambil tindakan.

- 5. Perlukah saya membuat pendaftaran akaun permohonan saya sebelum memohon jawatan yang diiklankan?**

Setiap pemohon dikehendaki membuka akaun dengan mendaftar maklumat peribadi yang diperlukan. Pendaftaran baru ini hanya diperlukan sekali sahaja untuk pertama kali memohon jawatan di LHDNM.

- 6. Bolehkah saya menghantar biodata/maklumat peribadi (*resume*) untuk memohon jawatan secara manual?**

Pemohon hendaklah membuat permohonan dengan mengisi borang secara *on-line* seperti yang diterangkan pada **Soalan 1**. Pihak LHDNM tidak menerima permohonan secara manual.

- 7. Bilakah saya boleh memohon jawatan yang ditawarkan?**

Permohonan boleh dibuat mulai **30 Oktober 2015** sehingga **15 November 2015**.

B. TERLUPA KATA LALUAN

Apakah tindakan yang perlu dilakukan sekiranya saya terlupa kata laluan?

Pengemaskinian maklumat kata laluan boleh dilakukan dengan menekan butang “Lupa Katalaluan” pada sistem “Career” sekiranya pemohon terlupa kata laluan. Manakala permohonan yang dilakukan melalui sistem “SPI”, nama ID dan katalaluan pengguna adalah menggunakan ID dan Katalaluan komputer masing-masing. Sehubungan itu pengemaskinian maklumat tersebut perlu dilakukan melalui komputer masing-masing.

C. SYARAT PERMOHONAN

1. **Saya merupakan pegawai tetap dan saya perlukan penjelasan berhubung syarat: ‘telah disahkan dalam perkhidmatan dan berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun selepas disahkan dalam jawatan sekarang’.**
 - (a) Pegawai hendaklah telah disahkan dalam perkhidmatan bagi gred lantikan yang disandang (contoh: Gred 1, Gred 11, Gred 21 dan Gred 31) dan **bukannya** gred kenaikan pangkat (contoh: Gred 2, 12, 14, 22, 24, 32 dan Gred 34); dan
 - (b) Pegawai hendaklah telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam gred lantikan sekarang (Gred 1, Gred 11, Gred 21 dan Gred 31) pada tarikh tutup iklan iaitu 15 November 2015.
2. **Adakah semua institusi pengajian tinggi diiktiraf kelayakannya untuk dilantik ke LHDNM ?**

Tidak semua institusi pengajian tinggi (IPT), sama ada di dalam atau di luar negara diiktiraf oleh Kerajaan. Oleh itu mereka yang ingin berkhidmat dengan LHDNM perlu memastikan IPT dan kelayakan yang pemohon perolehi diiktiraf oleh Kerajaan. Senarai IPTS dan bidang pengajian yang diiktiraf ada dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Semakan boleh dibuat dengan Jabatan berkenaan atau melalui laman web <http://www.interactive.jpa.gov.my/frmmmainiktiraf.asp>.

3. **Bolehkan saya menggunakan kelayakan Ijazah Sarjana atau PhD untuk memohon jawatan yang ditawarkan?**

Kelayakan minima bagi jawatan yang ditawarkan adalah Ijazah Sarjana Muda dan pertimbangan senarai pendek adalah berdasarkan Ijazah Sarjana Muda.

D. MAKLUMAT AM

1. **Bagaimanakah untuk mengetahui maklumat lanjut berhubung iklan tersebut?**

Calon boleh merujuk portal rasmi LHDNM <http://www.hasil.gov.my> (Kerjaya/Career) untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci.

2. Adakah pengalaman bekerja di sektor swasta diambil kira?

Pengalaman kerja akan diambil kira sebagai maklumat tambahan untuk nilai tambah bagi permohonan jawatan. Walau bagaimanapun, pengalaman kerja tidak diambil kira dalam penetapan gaji untuk memasuki LHDNM.

3. Bolehkah pekerja sambilan dan pegawai kontrak dilantik atau diserap terus ke Perkhidmatan LHDNM?

Pemilihan adalah tertakluk kepada prosedur dan peraturan yang sama seperti yang dikenakan kepada pemohon lantikan terus. Ini bermakna mereka tidak akan diserap secara automatik dan perlu melalui proses yang sama seperti pemohon yang lain.

4. Bolehkah saya memohon lebih daripada satu (1) jawatan?

Pemohon boleh mengemukakan permohonan *on-line* bagi beberapa jawatan namun calon yang layak ditemuduga hanya akan dipanggil untuk temu duga bagi satu (1) jawatan sahaja.

E. TEMU DUGA

1. Bagaimana untuk mengetahui keputusan temu duga?

Keputusan temu duga boleh disemak melalui portal rasmi LHDNM di <http://www.hasil.gov.my>.

2. Apakah persediaan yang perlu saya buat untuk menghadiri temu duga?

Pastikan semua dokumen asal* yang diminta di dalam surat panggilan temuduga dibawa bersama-sama. Hanya **sijil asal** yang akan diterima semasa temu duga dan **maklumat mestilah sama seperti yang dikemukakan di dalam borang on line**; dan

(a) Pastikan kod etika pakaian dipatuhi.

*Calon yang gagal mengemukakan sijil asal tidak akan ditemu duga.